

HUBUNGAN ANTARA JENIS BAHAN BACAAN DENGAN GAYA  
PEMBELAJARAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH TEKNIK

SITI KHATIJAH BINTI MOHAMAD

Laporan projek ini dikemukakan  
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat  
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik Dan Vokasional

Fakulti Pendidikan Teknikal  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

APRIL, 2008

*Buat ibu dan ayah tercinta*

*Mohamad Bin Abdullah & Saadiyah Binti Awang*

*Serta*

*Keluarga tersayang*



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani. Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurnia-Nya akhirnya dapat saya menyiapkan projek ini yang bertajuk “ Hubungan Antara Jenis Bahan Bacaan Dengan Gaya Pembelajaran Pelajar Sekolah Menengah Teknik”. Walaupun terdapat pelbagai rintangan dan batasan namun dengan semangat yang ada segala kerja dapat disempurnakan dan berjaya disiapkan dalam masa yang ditetapkan.

Jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia, Dr. Ahmad Bin Esa kerana telah banyak memberikan tunjuk ajar dan bimbingan sepanjang pelaksanaan projek ini walaupun sentiasa mempunyai kekangan dari segi masa dan komitmen terhadap tugas lain. Segala panduan yang diberikan banyak membawa saya kepada keinginan dan semangat untuk melibatkan diri dalam bidang penyelidikan kerana banyak memberi manfaat kepada diri sendiri. Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih atas bantuan, kerjasama dan penglibatan pihak pentadbir, guru-guru dan pelajar terutamanya dari sekolah-sekolah menengah teknik kerana membantu saya memberikan maklum balas dan maklumat berkaitan kajian ini. Akhir sekali, tidak lupa juga kepada keluarga serta rakan-rakan seperjuangan yang memberikan sokongan dan kerjasama serta kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membantu menghasilkan tesis sarjana ini. Jasa kalian tidak dapat saya lupakan.

Sekian, terima kasih. Wassalam...

Siti Khatijah Mohamad

## ABSTRAK

Membaca merupakan elemen yang penting dalam proses pembelajaran kerana membaca merupakan asas kepada perkembangan ilmu pengetahuan dan kemahiran utama yang diperlukan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Namun begitu, belum ada lagi kajian yang melibatkan jenis bahan bacaan dengan gaya pembelajaran pelajar. Oleh yang demikian, satu kajian mengenai sejauh mana jenis bahan bacaan memberi kesan ke atas gaya pembelajaran pelajar dijalankan. Kajian yang dijalankan melibatkan empat buah sekolah menengah teknik yang mewakili pelajar tingkatan empat bagi sekolah menengah teknik seluruh semenanjung Malaysia dan responden seramai 445 orang. Sampel kajian diperoleh dengan menggunakan kaedah pensampelan rawak mudah. Instrumen kajian yang digunakan melibatkan indikator pengukuran bagi jenis bahan bacaan dan gaya pembelajaran yang diamalkan. Hasil analisis yang dijalankan daripada data yang diperoleh mendapati bahawa, bahan bacaan komik menjadi bahan bacaan utama pelajar. Namun tahap pembacaan keseluruhan pelajar adalah masih di peringkat sederhana. Gaya pembelajaran yang paling tinggi diamalkan oleh pelajar adalah gaya pembelajaran secara pragmatis diikuti oleh gaya pembelajaran reflektif. Daripada analisis yang dijalankan didapati wujudnya hubungan yang signifikan di antara jenis bahan bacaan yang dibaca dengan gaya pembelajaran yang diamalkan. Gaya pembelajaran reflektif dilihat mempunyai korelasi positif yang signifikan dengan bahan bacaan politik yang dibaca pelajar. Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa jenis bahan bacaan yang dibaca mempengaruhi gaya pembelajaran yang diamalkan.

## *ABSTRACT*

One of the important elements in the learning process is reading as it is the basis at knowledge and skill development which are essential in the teaching and learning process. Despite that, there are lack of research involving types of reading materials and student learning style. Hence, one research to further understand the relationship between those two aspects is conducted. This research involved 445 respondent consisting form four students from Technical schools in Peninsular Malaysia. Samples were obtained by using simple random sampling method. Type of reading materials and learning style practiced are the measurement indicator used in the research instrument. Analysis from the collected data showed that the comic reading materials are the student primary choices and yet the total level students reading were still moderate. Pragmatist learning style is the most highly learning style practice by the students. Next is reflective learning style. Analysis result showed the existing of significant relationship between the type of reading materials and learning style practiced. Reflective learning style is seen to have positive significant correlation with the political reading materials read by the students. It can be concluded that reading material have effects on the learning behavior.

## KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	<b>BORANG PENGESAHAN STATUS</b>	
	<b>TESIS</b>	
	<b>PENGESAHAN PENYELIA</b>	
	<b>JUDUL</b>	i
	<b>PENGAKUAN PENULIS</b>	ii
	<b>DEDIKASI</b>	iii
	<b>PENGHARGAAN</b>	iv
	<b>ABSTRAK</b>	v
	<b>ABSTRACT</b>	vi
	<b>KANDUNGAN</b>	vii
	<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
	<b>SENARAI RAJAH</b>	xiv
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xv

### **BAB I PENDAHULUAN**

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Masalah	3
1.3	Pernyataan Masalah Kajian	7
1.4	Objektif Kajian	7
1.5	Persoalan Kajian	8
1.6	Hipotesis Kajian	8
1.7	Skop Kajian	9

1.8	Kepentingan Kajian	10
1.9	Kerangka Teori	12
1.10	Batasan Kajian	14
1.11	Definisi Istilah dan Operasi	15
1.12	Rumusan Bab	18
<b>BAB 2</b>	<b>KAJIAN LITERATUR</b>	
2.1	Pengenalan	19
2.2	Membaca	20
2.3	Bahan Bacaan	21
2.3.1	Kajian-Kajian Yang Lepas	23
2.4	Gaya Pembelajaran	25
2.4.1	Model Gaya Pembelajaran Honey dan Mumford (1992)	26
2.4.2	Model Gaya Pembelajaran Dunn dan Dunn (1978)	28
2.4.3	Model Gaya Pembelajaran Kolb (1984)	30
2.4.4	Model Gaya Pembelajaran Myers Briggs Types Indicator	33
2.4.5	Model Gaya Pembelajaran Herman Brain Dominance Instrumen	36
2.4.6	Model Gaya Pembelajaran Felder Silverman Learning Style	37
2.4.7	Kajian-Kajian Yang Lepas	39
2.5	Rumusan Bab	41
<b>BAB 3</b>	<b>METODOLOGI</b>	
3.1	Pengenalan	42
3.2	Reka Bentuk Kajian	43
3.3	Populasi	44
3.4	Sampel	44
3.5	Kaedah Pengumpulan Data	46
3.6	Kaedah Penganalisan Data	47

3.7	Instrumen Kajian	48
3.8	Kajian Rintis	51
3.9	Rumusan Bab	56

#### **BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

4.1	Pengenalan	57
4.2	Analisis Data Demografi	58
4.3	Kebolehpercayaan	60
4.4	Dapatan Analisis	62
4.4.1	Jenis bahan bacaan yang dibaca dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Teknik.	62
4.4.1.1	Jenis bahan bacaan yang berunsurkan novel/cerpen	63
4.4.1.2	Jenis bahan bacaan yang berunsurkan hiburan	64
4.4.1.3	Jenis bahan bacaan yang berunsurkan komik	65
4.4.1.4	Jenis bahan bacaan yang berunsurkan sukan	66
4.4.1.5	Jenis bahan bacaan yang berunsurkan politik	67
4.4.1.6	Jenis bahan bacaan yang berunsurkan lucu	68
4.4.1.7	Jenis bahan bacaan yang di baca dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Teknik	69
4.4.2	Gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar Sekolah Menengah Teknik	71
4.4.2.1	Gaya pembelajaran Aktivis	71
4.4.2.2	Gaya pembelajaran Teoris	73
4.4.2.3	Gaya pembelajaran Reflektif	74
4.4.2.4	Gaya pembelajaran Pragmatis	75



4.4.3	Hubungan di antara jenis bahan bacaan dengan gaya pembelajaran yang diamalkan	77
4.4.3.1	Hubungan Antara Jenis Bahan Bacaan Novel Dengan Gaya Pembelajaran	78
4.4.3.2	Hubungan Antara Jenis Bahan Bacaan Sukan Dengan Gaya Pembelajaran	79
4.4.3.3	Hubungan Antara Jenis Bahan Bacaan Politik Dengan Gaya Pembelajaran	79
4.4.3.4	Hubungan Antara Jenis Bahan Bacaan Komik Dengan Gaya Pembelajaran	80
4.4.3.5	Hubungan Antara Jenis Bahan Bacaan Lucah Dengan Gaya Pembelajaran	81
4.5	Analisis Item Terbuka	82
4.5.1	Bahan Bacaan Lain	82
4.5.2	Gaya Pembelajaran Pelajar	83
4.6	Rumusan Bab	85

## **BAB 5 PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN**

5.1	Pengenalan	86
5.2	Perbincangan dan Kesimpulan	87
5.2.1	Jenis Bahan Bacaan Yang Dibaca Dalam Kalangan Pelajar Aliran Teknik	88
5.2.2	Gaya Pembelajaran Dalam Kalangan Pelajar Aliran Teknik	89
5.2.3	Hubungan Di Antara Jenis Bahan Bacaan Dengan Gaya Pembelajaran	91

Yang Di Amalkan

5.3	Rumusan	95
5.4	Cadangan	97
5.5	Cadangan Lanjutan	99
5.6	Penutup	100
<b>BIBLIOGRAFI</b>		101
<b>LAMPIRAN</b>		108



**PTTA UTHM**  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Ciri Personaliti <i>Myers Briggs Type Indicator</i>	29
3.1	Populasi Kelompok Mengikut Wilayah	45
3.2	Populasi dan Sampel Kajian	45
3.3	Kekuatan Nilai Pekali Korelasi	48
3.4	Skala Likert	49
3.5	Bilangan Item Bagi Setiap Aspek Bahan Bacaan	50
3.6	Bilangan Item Bagi Setiap Kategori Gaya Pembelajaran	50
4.1	Latar Belakang Responden	59
4.2	Kebolehpercayaan Indikator Borang Soal Selidik	61
4.3	Min Bahan Bacaan Novel	63
4.4	Min Bahan Bacaan Hiburan	64
4.5	Min Bahan Bacaan Komik	65
4.6	Min Bahan Bacaan Sukan	66
4.7	Min Bahan Bacaan Politik	68
4.8	Min Bahan Bacaan Lucah	69
4.9	Min Keseluruhan Jenis Bahan Bacaan	70
4.10	Min Gaya Pembelajaran Aktivis	72
4.11	Min Gaya Pembelajaran Teoris	73
4.12	Min Gaya Pembelajaran Reflektif	75
4.13	Min Gaya Pembelajaran Pragmatis	76
4.14	Korelasi <i>pearson</i> , $r$ di antara jenis bahan bacaan dengan gaya pembelajaran	78

4.15	Bahan Bacaan Lain Yang Menjadi Bacaan Pelajar	82
4.16	Gaya Belajar Yang Diamalkan Pelajar	84



**PTTA UTHM**  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Kerangka Teori Kajian	12
2.1	Model Gaya Pembelajaran Dunn dan Dunn (1978)	29
2.2.	Empat Sukuan Dalam Kolb's Learning Style	32
3.1	Kronologi Kajian	55



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Borang Soal Selidik	107
B	Senarai Sekolah	118
C	Hasil Analisis	122
D	Surat Kebenaran	134
E	Semakan Soal Selidik	138



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

# BAB I

## PENDAHULUAN

### 1.1 Pengenalan

Hasrat kerajaan melahirkan modal insan dengan minda kelas pertama hanya akan berjaya sekiranya bangsa Malaysia memiliki budaya ilmu yang tinggi. Membaca merupakan salah satu aspek penting dalam memperoleh ilmu pengetahuan. Pembacaan memberikan impak yang besar dalam proses pembelajaran seseorang individu. Melalui pembacaan, seseorang individu dapat menambahkan maklumat, meluaskan pengetahuan, meningkatkan penguasaan ilmu dan memahami kenapa sesuatu peristiwa itu berlaku. Menurut Stratta (1973), melalui pembacaan membolehkan pembaca menghasilkan idea-idea baru dan merangsang kreativiti. Beliau juga turut menyatakan bahawa, pembaca dapat berfikir secara kreatif kerana pembaca dibawa bersama ke dimensi yang baru melalui imaginasi mereka. Pernyataan ini disokong Elkin, Train dan Denham (2003), kerana mereka menyatakan bahawa pembacaan membolehkan pembaca merentasi masa ke alam yang lain dan menjelajah ke dimensi yang berbeza daripada dunia realiti mereka. Justeru itu, pembaca dapat menjana idea melalui kreativiti dan imaginasi mereka melalui pembacaan dan perkara ini amat berguna dalam proses pembelajaran.

Mengikuti Islam, membaca amat berkait rapat dengan proses mencari ilmu. Buktinya jelas apabila wahyu pertama yang diturunkan di dalam Al-Quran bermula dengan kalimah Iqra' yang membawa maksud bacalah. Menerusi pembacaan, seseorang individu memperoleh maklumat untuk dijadikan pengetahuan. Namun demikian, tidak semua yang dibaca boleh dijadikan ilmu, sebaliknya hanya kekal sebagai pengetahuan sahaja. Menurut Elkin, Train dan Denham (2003), tidak dapat dinafikan bahawa buku merupakan sumber pengetahuan yang membawa banyak kebaikan tetapi buku, pembacaan dan penerbitan boleh juga menjadi alat penganiayaan kepada manusia. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa pembacaan mempunyai pengaruh yang besar dalam kehidupan manusia kerana bukan sahaja kebaikan yang boleh dicapai melalui pembacaan bahkan pembacaan juga mampu menjadi senjata yang merosakkan.

Membaca memberi kesan yang mendalam dalam proses pembelajaran seseorang individu. Oleh kerana membaca merupakan asas kepada pembelajaran maka, setiap yang dipelajari dengan membaca boleh memberi kesan kepada kehidupan individu terbabit. Menurut Sidek Baba (2006), bahan yang remaja baca ada kesannya pada minda, pada sikap mental malah pada tanggapan dan hobi. Perkara yang dibaca akan mempengaruhi pemikiran seseorang individu. Ini jelas menunjukkan bahawa pentingnya dalam memilih bahan yang hendak dibaca. Bahan pembacaan yang baik dan berkualiti bagus untuk perkembangan minda yang sihat dan begitulah sebaliknya. Membaca adalah kuasa yang boleh menawarkan peluang yang besar dan boleh dijadikan sebagai alat untuk membangunkan sesebuah negara (Elkin; Train dan Denham, 2003). Pembacaan mampu mempengaruhi kehidupan manusia sama ada secara langsung atau tidak langsung. Menurut Sabine dan Sabine (1983), hasil temu bual dengan 1400 rakyat Amerika menunjukkan bahawa pembacaan telah membawa perubahan yang besar dalam hidup mereka terutamanya dari segi perasaan dalaman dan realiti kehidupan. Membaca memainkan peranan yang penting dalam proses pembelajaran.

Proses pembelajaran amat berkait rapat dengan gaya pembelajaran yang diamalkan oleh seseorang individu tersebut. Menurut Baharom Mohamad, Ahmad



Esa dan Husin Junoh ( 2007 ), gaya pembelajaran merupakan cara seseorang itu belajar. Pembelajaran merupakan kebolehan seseorang mengambil maklumat, mengkod dan memfailkan maklumat tersebut supaya mudah digunakan apabila diperlukan. Gaya pembelajaran amat berkait rapat dengan cara minda kita bekerja dengan berkesan terhadap pembelajaran maklumat baru. Sekiranya gaya pembelajaran seseorang individu dapat dikenal pasti, pelajar dapat memberikan fokus yang lebih terhadap perkara yang dipelajari.

## 1.2 Latar Belakang Masalah

Minat dan kecenderungan membaca pelajar memberikan impak yang besar dalam proses pembelajaran pelajar. Pembacaan merupakan asas dalam menimba ilmu pengetahuan. Semakin banyak seseorang individu tersebut membaca, maka semakin banyak yang akan dipelajarinya (Panigrahi dan Panda, 1996). Jenis bahan bacaan yang dibaca akan turut sama memberikan kesan dalam pembelajaran serta pencapaian akademik pelajar. Setiap bahan bacaan yang dipilih boleh memberikan pelbagai kesan kepada pembelajaran pelajar. Tidak semua bahan bacaan yang dipilih bersesuaian dengan tahap umur dan pendidikan pelajar.

Bahan bacaan yang dibaca oleh rakyat Malaysia adalah pelbagai dan terdiri daripada pelbagai bahan seperti surat khabar, majalah, buku, dan juga komik. Kepelbagaian ini adalah disebabkan oleh peringkat umur yang berbeza-beza dan bahan bacaan yang dipilih adalah bergantung kepada peringkat umur pembaca serta minatnya. Profil Membaca Rakyat Malaysia (1996) menyatakan, jenis bahan bacaan yang dipilih oleh rakyat Malaysia adalah terdiri daripada surat khabar (79%), majalah (47%), buku (52%) dan juga komik (32%). Majoriti rakyat Malaysia yang memilih majalah dan komik berusia di dalam lingkungan 15 hingga 34 tahun dan sebahagian besarnya adalah terdiri daripada pelajar sekolah menengah atau mempunyai pendidikan peringkat menengah.

Remaja sering dikaitkan dengan masalah sosial yang tidak pernah surut dari masa ke masa. Ia bukanlah sesuatu yang tabu untuk diperkatakan dan sering menjadi topik perbincangan yang hangat masa kini. Pelbagai inisiatif yang dijalankan bagi mengurangkan masalah sosial yang semakin menular dalam kalangan remaja. Masa remaja merupakan masa yang bergelora, penuh pancaroba dan perubahan perasaan. Mereka mudah dipengaruhi terutamanya pada tahap perkembangan kognitif sehingga mereka sanggup melakukan perkara-perkara yang salah di sisi undang-undang (Sharani dan Zainal, 2004 ). Masa remaja merupakan satu fasa di mana remaja amat mudah terpengaruh dengan persekitaran yang dialaminya. Remaja merupakan orang yang senang terpengaruh oleh emosi. Ini adalah kerana rasional mereka masih berkembang dan belum sampai ke satu tahap yang matang. Pengaruh ini akan memberi kesan kepada diri remaja terutamanya dari aspek perlakuan.

Pada ketika ini remaja cenderung untuk mempraktikkan setiap perkara yang mereka pelajari. Remaja mempelajari setiap perkara yang terdapat di persekitaran mereka yang mampu untuk memberikan rangsangan kepada mereka. Remaja belajar dengan cara melihat, menonton, mendengar dan juga membaca. Pembelajaran adalah proses mental atau fizikal yang membawa kepada perubahan tingkah laku ( Sheal, 1994). Salah satu sumber pembelajaran adalah daripada pembacaan. Sekiranya sumber bacaan yang dipraktikkan terdiri daripada bahan yang negatif, maka boleh menular ke arah perlakuan negatif remaja dan begitulah sebaliknya.

Namun demikian, terdapat juga kesan-kesan positif yang dapat diperolehi hasil daripada rangsangan positif yang terdapat dalam bahan bacaan yang dibaca. Tidak semua bahan yang dibaca akan memberikan impak negatif, sebahagian daripadanya dapat digunakan untuk membantu dalam proses pembelajaran. Menurut Kerr dan Cullhane (2000), kanak-kanak yang terdedah kepada bahan bacaan seperti komik dari kecil biasanya mempunyai tatabahasa yang lebih baik dan mempunyai kefahaman yang lebih baik dalam menggunakan kata kerja berbanding mereka yang tidak terdedah kepada bahan bacaan yang seumpamanya. Ini menunjukkan bahawa bahan bacaan seperti komik mampu dijadikan sebagai bahan dalam membantu proses pembelajaran terutamanya bagi kanak-kanak yang masih di peringkat bawahan.

Bahan bacaan yang berbeza mempunyai kesan yang berbeza pada setiap individu. Kepelbagaian jenis bahan bacaan yang membanjiri pasaran membolehkan individu memilih bahan bacaan yang digemari. Menerusi pembacaan yang tidak terkawal, mereka akan berimajinasi sendiri dan membangkitkan rasa ingin mencuba (Sharani dan Zainal, 2004). Fakta ini dapat diperkukuhkan lagi dengan mengaitkannya dengan teori pelaziman klasik yang diperkenalkan oleh Ivan Pavlov, berdasarkan konsep rangsangan dan tindak balas. Ini membuktikan bahawa manusia boleh bertindak balas secara spontan melalui rangsangan. Tingkah laku manusia berkait rapat dengan jenis rangsangan yang diberikan. Setiap rangsangan berlainan yang diberikan akan memberikan kesan yang berbeza kepada individu.

Tingkah laku manusia boleh diterjemahkan dalam pelbagai bentuk perlakuan. Di antaranya ialah, cara bergaul, cara pemakaian, cara pemakanan dan juga cara belajar seseorang individu. Cara belajar individu amat berkait rapat dengan gaya pembelajaran. Menurut Kinsella dan Sherak (1998), gaya pembelajaran dan gaya bekerja seseorang bukanlah semula jadi atau tidak boleh diubah, tetapi sebaliknya ianya berakar umbi terhasil dari peranan. Ini menunjukkan segala rangsangan yang terdapat di persekitaran pelajar akan mempengaruhi perlakuan seterusnya cara mahupun gaya pembelajaran seseorang individu. Menurut Sharma (1978), pelajar membaca buku, surat khabar, dan majalah yang pelbagai bagi mengetahui tentang dunia dan perkara yang berlaku di persekitarannya. Membaca merupakan salah satu contoh yang boleh dikategorikan sebagai rangsangan. Jenis bahan yang dibaca mampu bertindak sebagai rangsangan kepada individu yang membaca. Menurut satu temu bual yang diadakan dengan seorang guru Sekolah Menengah Teknik Kluang, Johor iaitu En Rubaie Bin Haji Said, beliau menyatakan bahawa pelajar Sekolah Menengah Teknik sememangnya mengamalkan pelbagai jenis bahan bacaan. Di antara jenis bahan bacaan yang menjadi pilihan pelajar adalah komik, majalah hiburan, novel serta bahan yang agak tidak bersesuaian dengan peringkat usia mereka. Dengan demikian wajarlah satu kajian yang melibatkan jenis bahan bacaan yang dibaca untuk melihat kesannya pada perlakuan individu atau pelajar terutamanya untuk mengenal pasti cara belajar yang digemari.

Kemerosotan pencapaian akademik pelajar sering kali dikaitkan dengan pembacaan bahan bukan ilmiah yang dikatakan mampu untuk mempengaruhi prestasi pelajar dalam pembelajaran. Para pelajar yang gemar membaca bahan bukan ilmiah terutamanya komik, majalah hiburan dan juga novel sering kali dianggap sebagai pelajar yang mempunyai tahap pencapaian akademik yang lemah. Menurut Stewart (1996), kualiti sesebuah buku mampu mengubah persepsi pembacanya. Bahan bacaan yang berkualiti adalah bahan yang mampu menjana idea dalam proses pembelajaran dan begitulah sebaliknya. Disebabkan penerimaan individu terhadap bahan yang dibaca adalah berbeza maka terdapat individu yang mengalami pencapaian akademik yang kurang memuaskan ekoran terlalu banyak membaca bahan bukan ilmiah. Fredric Wertham (2004) pula menyatakan bahawa, karikatur, penulisan dan cetakan yang kurang baik dalam komik akan mempengaruhi penglihatan dan sistem saraf remaja seterusnya memberi kesan negatif terhadap perilaku remaja dan punca utama yang menjadi penyebab adalah daripada rangsangan yang terdapat dalam komik tersebut.

Persoalan timbul apabila terdapat pendapat yang mengatakan bahawa pembacaan bahan bukan ilmiah seperti komik dapat membentuk daya kreativiti pelajar dalam proses pembelajaran contohnya seperti dalam subjek Lukisan Kejuruteraan. Menurut Kerr dan Culhane (2000) perantaraan yang digunakan dalam komik untuk menyampaikan mesej bukan sahaja dalam bentuk karikatur tetapi turut melibatkan kebolehan menggunakan daya imaginasi dan mentafsirkannya dalam bentuk kefahaman dengan menggabungkan setiap papan cerita. Kebolehan daya imaginasi amat penting dalam subjek Lukisan Kejuruteraan dan tidak mustahil kebolehan ini boleh diasah melalui pembacaan komik kerana subjek Lukisan Kejuruteraan merupakan mata pelajaran yang ditawarkan dalam aliran teknik.

### 1.3 Pernyataan Masalah Kajian

Pembacaan pelbagai bahan yang tidak terkawal ini boleh membawa kesan ke atas kehidupan dan pembelajaran pelajar. Menurut teori pembelajaran sosial Bandura (1977), remaja akan mencontohi perkara yang menarik minatnya. Terdapat kajian yang membuktikan bahan-bahan bacaan seperti foto, buku, komik dan majalah khususnya tidak menimbulkan keinginan luar kawalan, namun kekerapan melihat ataupun membaca bahan-bahan sedemikian mampu mengubah persepsi remaja mengenai sesuatu perkara (Sharani dan Zainal, 2004). Ini membuktikan bahawa pembacaan mampu mempengaruhi minda remaja dan akhirnya diterjemahkan dalam bentuk kelakuan.

Dalam konteks kajian yang bakal dijalankan ini, pengaruh pembacaan bagi bahan bacaan yang berunsurkan komik, politik, sukan, lucah, majalah hiburan dan novel dikaji bagi mengenal pasti pengaruhnya terhadap minda pelajar. Pengaruh ini kemudiannya dilihat dalam konteks kelakuan kerana pengaruh ini akan diterjemahkan oleh individu dalam bentuk kelakuan yang pelbagai. Salah satu daripada kelakuan yang diterjemahkan adalah cara belajar (gaya pembelajaran) pelajar aliran teknik. Oleh itu satu kajian dijalankan untuk mengetahui hubungan antara jenis bahan bacaan dengan gaya pembelajaran pelajar..

### 1.4 Objektif Kajian

Objektif bagi kajian yang ingin dijalankan ini ialah :

- i. Mengetahui jenis bahan bacaan yang dibaca dalam kalangan pelajar sekolah menengah teknik.

- ii. Mengetahui gaya pembelajaran yang diamalkan dalam kalangan pelajar sekolah menengah teknik.
- iii. Mengenal pasti sama ada terdapat hubungan di antara jenis bahan bacaan yang dibaca dengan gaya pembelajaran yang diamalkan.

### 1.5 Persoalan Kajian

- i. Apakah jenis bahan bacaan yang dibaca dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Teknik?
- ii. Apakah gaya pembelajaran yang diamalkan dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Teknik?
- iii. Adakah terdapat hubungan di antara jenis bahan bacaan yang dibaca oleh pelajar aliran teknik dengan gaya pembelajaran yang diamalkan?

### 1.6 Hipotesis Kajian

- i.  $H_0$ : Tidak terdapat hubungan di antara bahan bacaan yang dibaca dengan gaya pembelajaran dalam kalangan pelajar aliran teknik.
- ii.  $H_a$ : Terdapat hubungan di antara bahan bacaan yang dibaca dengan gaya pembelajaran dalam kalangan pelajar aliran teknik.

## 1.7 Skop Kajian

Dalam melaksanakan kajian ini, skop kajian yang telah ditetapkan adalah seperti berikut :

### i. Pelajar Sekolah Menengah Teknik

Pelajar dari Sekolah Menengah Teknik telah ditetapkan sebagai responden utama kajian yang terdiri daripada pelajar dari 4 buah Sekolah Menengah Teknik yang dipilih secara rawak mudah. Pelajar terdiri daripada pelajar tingkatan 4 yang membaca pelbagai bahan bacaan bukan ilmiah.

### ii. Bahan Bacaan

Bahan bacaan yang ditetapkan dalam kajian ini adalah terdiri daripada bahan bukan ilmiah yang berunsurkan komik, politik, sukan, hiburan, novel dan juga lucu. Bahan bacaan ini dipilih sebagai bahan bacaan utama dalam kajian ini kerana majoriti pelajar sekolah membaca bahan bacaan berikut. Hasil kajian Camp (2007) menunjukkan bahan bacaan rekreasi yang menjadi kegemaran dalam kalangan pelajar bukan sahaja terdiri daripada buku bahkan meliputi majalah-majalah hiburan yang terpilih, akhbar, bahan bacaan internet, serta novel-novel romantik.

### iii. Gaya Pembelajaran.

Terdapat pelbagai jenis model gaya pembelajaran yang boleh digunakan dalam proses pembelajaran. Namun demikian, dalam kajian ini telah ditetapkan model pembelajaran Honey dan Mumford (1992) yang akan digunakan. Instrumen yang dihasilkan adalah berdasarkan kepada empat

elemen utama yang terkandung dalam gaya pembelajaran Honey dan Mumford (1992) iaitu Aktivis, Teoris, Reflektif dan Pragmatis.

## 1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting bagi mengetahui jenis bahan bacaan yang menjadi kesukaan bagi pelajar aliran teknik seterusnya mengenal pasti sama ada jenis bahan bacaan yang dipilih akan mempengaruhi gaya pembelajaran pelajar. Penentuan gaya pembelajaran adalah penting kerana ia akan mempengaruhi pencapaian akademik seseorang individu. Di samping itu, kajian ini juga memberi kepentingan kepada beberapa pihak tertentu, terutamanya :

i. Ibu bapa

Kajian ini penting bagi ibu bapa kerana melalui hasil kajian ini, ibu bapa akan dapat menentukan jenis bahan bacaan yang sesuai bagi anak-anak mereka kerana mereka akan menyedari bahawa setiap bahan bacaan membawa pengaruh dalam gaya pembelajaran pelajar. Ibu bapa dapat menentukan jenis bahan bacaan yang sesuai dengan anak-anak mereka di peringkat sekolah.

ii. Guru

Melalui kajian ini, guru akan dapat mengenal pasti jenis bahan bacaan yang dapat merangsang pembelajaran pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Guru akan dapat mengetahui jenis bahan bacaan yang bersesuaian dengan gaya pembelajaran pelajar dan dapat menggunakan



## Rujukan

Atan Long (1988). "Psikologi Pendidikan." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Azizi Yahaya, Yusoh Boon, Shahrin Hashim dan Wan Zuraidah (2002). "Hubungan Di Antara Gaya Pembelajaran Dengan Pencapaian Akademik Pelajar." Universiti Teknologi Malaysia: Skudai Johor.

Azizi Yahya, Najib Ghaffar dan Noraizah Damiri (2002). "Ciri-ciri Personaliti Dalam Pemilihan Kerjaya Pelajar, Gaya Pembelajaran Pelajar Dan Hubungannya Dengan Pencapaian Akademik." Universiti Teknologi Malaysia: Skudai Johor.

Azizi Yahya dan Shareeza Abdul Karim (2003). "Hubungan Gaya Pembelajaran Dengan Pencapaian Akademik Pelajar Di Tingkatan Empat Sekolah Menengah Teknik Negeri Sembilan." Universiti Teknologi Mara: Segamat Johor.

Baharin Abu, Othman Md Johan, Syed Mohd Shafeq Syed Mansor, dan Haliza Jaafar (2007). "Kepelbagaian Gaya Pembelajaran Dan Kemahiran Belajar Pelajar Universiti di Fakulti pendidikan, UTM Johor." Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana.

Baharom Mohamad, Ahmad Esa dan Husin Junoh (2007). "Psikologi Pendidikan Dalam PTV-MBE 1023." Batu Pahat: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

Burggraf, K. K (2000). "Eating Disorder Symptomatology and Media, Family, Psychology, and Maturational Variables: A Longitudinal Study of Young Females." University of Calgary: Tesis PhD.

- Burns, R. B. (2000). "Introduction to Research Methods." Edisi keempat. Australia: Pearson Education Australia.
- Camp, D. (2007). "Who's Reading and Why: Reading Habits of 1st Grade Through Graduate Students." *ProQuest Education Journals*. 47 (3). 251-269.
- Piaw, C. Y. (2006). "Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan." Malaysia: Mc Graw Hill Education.
- Claxton, C. S., dan Murrell, P. H. (1987). "Learning Styles: Implications for Improving Educational Practices. AAHE-ERIC Higher Education Report No 4." Washington, DC: Association for the Study of Higher Education.
- Daniels, E.A. (2006). "Media Representations of Active Women: What Are Girls Seeing and Does It Affect Their Self-Concept?" University of California: Tesis PhD.
- Dunn, R., dan Stevenson, J. M. (1997). "Teaching Diverse College Students to Study Within a Learning-Style Prescription." *College Student Journal*. 31(3). 333-339.
- Dunn, R. dan Dunn, K. (1978). "Teaching Students Through Their Individual Learning Styles: A Practical Approach." Reston, Virginia: Reston Publishing.
- Elkin, J., Train, B., dan Denham, D. (2003). "Reading and Reader Development: The Pleasure of Reading." London: Facet Publishing.
- The Encyclopedia Americana (1984). America: Grolier Incorporated.
- Encyclopedia of Distance Learning (2005). London: Idea Group Reference.
- Felder, R. M., dan Silverman, L. K. (1988). "Learning Styles and Teaching Styles In Engineering Education." *Engineering Education*. 78. 647-681.

- Frank Small & Associates (S. E. Asia) Sdn. Bhd (1998). "Profil Membaca Rakyat Malaysia 1996." Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Garger, S. dan Guild, P. (1984). "Learning Style: The Crucial Differences." *Curriculum Review*, 23(1), 9-12.
- Goode, W., dan P. Hatt (1962). "Methods in Social Research." New York: McGraw-Hill.
- Goodman, K. S. (1994). "Reading and Writing, and Written Text: A Transactional Socio-Psycholinguistic View." Newark DE: International Reading Association.
- Heong, Y. M. (2002). "Pola Gaya Pembelajaran Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Teknik Di Daerah Negeri Johor." Universiti Teknologi Malaysia: Tesis PSM.
- Honey, P. dan Murmford, A (1992). "The Manual of Learning Styles." Maidenhead: Peter Honey.
- Ibrahim Abu Samah (1995). "Keselesaian Dan Persepsi Pelajar Luar Bandar Terhadap Sumber Manusia Di Sarawak." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kahan, L.F (2006). "Fictions of Intelligence: Eighteenth-Century English Novels and The Commerce of Information." State University of New York: Tesis PhD.
- Koenke, K. (1981). "The careful use of comic books." *Reading Teacher*, 34, 592-595.
- Kellett, M (2005). "How To Develop Children As Researchers." London: Paul Chapman Publishing.

Kementerian Pelajaran Malaysia (2006). <http://www.moe.gov.my>. Muat turun pada 28 September 2007.

Kerr, S. dan Culhane, T. H. (2000). "The Humble Comic Possibilities for developing Literacy Skills and Learning Content." Research Paper. USA: Pearson Learning.

Kinsella, K., dan Sherak, K. (1998). "Designing ESL Classroom Collaboration to Accommodate Diverse Work Styles." Upper Saddle River, NJ: Prentice.

Krejcie, R. V., dan Morgan, D. W. (1970). "Determining Sample Size for Research Activities." *Educational and Psychological Measurement*, 30, 608.

Likert, R. (1932). "A Technique for The Measurement Of Attitudes." New York: Columbia University Press.

Litzinger, M. E. dan Osif, O. (1993). "Accommodating Diverse Learning Style: Designing Instruction for Electronic Information Sources. What Is Good Library Instruction Now? Library Instruction for 90s." Ann Arbor, MI: Pierian Press.

Lapp, D. , Flood, J. and Farnan, N. (1996). "Content Area: Reading And Learnings Tructional Strategies." Needham Heights, Mossachusetts: Allyn and Bacon.

Markova, S.V (2007). "Body Images in Magazines: A Cross-Cultural Investigation of Media Effects in Russian and U.S. Young Women." University of Maryland: Tesis PhD.

Matthews, D. (1994). "An investigation of students' learning styles in various disciplines in colleges and universities." *Journal of Humanistic Education and Development.*" 33, 65-74.

- Mohd Najib Abdul Ghaffar (1999). "Penyelidikan Pendidikan." Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Najib Abdul Ghaffar (2003). "Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan." Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Majid Konting (1994). "Kaedah Penyelidikan Pendidikan." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mohd Sharani Ahmad dan Zainal Madon (2004). "Panduan Mengurus Remaja Moden." Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing.
- Myers, I. (1978). "Myers-Briggs Type Indicator." Palo Alto, CA: Consulting Psychologists Press.
- Nafisah @ Kamariah Md Kamaruddin and Nurhaiza Abd Wahab (2005). "Learning Styles Of Form Four Electrical Engineering Students In Three Technical Schools In Malaysia." Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn: Batu Pahat Johor.
- Nisbet, M.C., Scheufele, D.A., Shahanan, J, Moy, P., *et al* (2002). "Knowledge, Reservations, or Promise? : A Media Effects Model for Public Perceptions of Science and Technology." *Communication Research*, 29, 584-611.
- Panigrahi, C. & Panda, K.C. (1996). "Reading interests and information sources of school going children: A Case Study of Two English Medium Schools of Rourkela, Indian." *Malaysia Journal of Library and Information Science*, 1 (1), 57- 65.
- Rochford, R. A. (2003). "Assessing Learning Styles to Improve The Quality of Performance of Community College Students In Developmental Writing Programs: A Pilot Study." *Community College Journal of Research & Practice*, 27, 665-678.

Sabine, G. dan Sabine, P. (1983). "Books That Made The Difference: What People Told Us." Connecticut, USA: The Shoe String Press.

Safiah Osman (1990). "Membaca Satu Pengenalan." Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.

Sharma, J.N. (1978). "Reading Habits and Its Development." *Indian Librarian* 32 (3), 171 –173.

Sheal, P. R (1994). "How to Develop and Present Staff Training Course." London: Kogan Page Ltd.

Siti Hawa Munji (1990). "Pengantar Psikologi." Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.

Sones, W. (1944). "The comics and Instructional Method." *Journal of Educational Sociology*, 18, 232-240.

Steward, I. (1996). "Shelf Talk: Promoting Literature in Libraries." London: The Arts Council of England.

Strata, L., Dixon, J., dan Wilkinson, A. (1973). "Patterns of Languages." London: Heinemann.

Sturm, James. (2002). "Comics in The Classroom." *The Chronicle of Higher Education*, 14, 5.

Taylor, L.D (2006). "College Men, Their Magazines, and Sex." *Sex Roles*, 55, 693.

Tobias, C. U. (1996). "Cara Mereka Belajar." Indonesia: Harvest Publishing House.

Uma Sekaran (1992). "Research Methods For Bussiness : A Skill-Building Approach." Edisi Kedua. New York : John Wiley & Sons Inc.

Van Zwanenberg, N. (2000). "Felder And Silverman's Index of Learning Styles and Honey and Mumford's Learning Styles Questionnaire: How Do They Compare and Do They Predict Academic Performance?" *Educational Psychology*, 20, 365-381.

Vann, R. (1998). "Transforming Text Through Graphic Responses". Upper Saddle River, NJ: Prentice Hall.

Wiersma, W. (1995). "Research Method In Education." Allyn & Bacon: Boston.

Wertham, F. (2004). "Seduction of The Innocents and The Attack on Comic Books." UK: Amereon Ltd.

Yahya Othman (2004). "Mengajar Membaca: Teori dan Aplikasi." Edisi Kedua. Pahang: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH